



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld. 9/(46)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

17 Mac 2021
03 Syaaban 1442H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2021

CARTA ALIR PENYELESAIAN KERJA-KERJA UKURAN HAKMILIK TANAH YANG DILAKSANAKAN OLEH JURUUKUR TANAH BERLESEN (JTB) PADA PERINGKAT FASA 3 (81% BAYARAN DITERIMA JTB) DAN FASA 4 (98% BAYARAN DITERIMA JTB)

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dalam menjalankan fungsinya sebagai badan pemegang amanah deposit fi ukur, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) sentiasa memantau status kemajuan kerja-kerja ukur hakmilik yang didepositkan di LJT. Dalam hubungan ini, LJT mendapati bahawa terdapat Juruukur Tanah Berlesen (JTB) yang tidak mengambil tindakan pembetulan ke atas pertanyaan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri (JUPN) bagi kerja-kerja ukur hakmilik tanah pada peringkat fasa 3 dan fasa 4.

3. LJT memandang serius mengenai perkara ini kerana ianya menyebabkan kelewatan dalam kelulusan Pelan Akui (PA) dan secara tidak langsung menjadi tunggakan kerja kepada JUPN. Bagi mengatasi perkara ini serta selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 16, Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) maka Mesyuarat Lembaga ke 513 pada 1 Mac 2021 telah meluluskan tindakan yang perlu diambil terhadap JTB terlibat sepertimana carta alir di **Lampiran A**.

4. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa daripada tarikh ianya dikeluarkan. Justeru itu, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengambil makluman dan perhatian akan pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK Sr ISMAIL BIN HARUN)

Setiausaha

Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia

Salinan Kepada:

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II

Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)

Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)

CARTA ALIR PROSES PENYELESAIAN KERJA HAKMILIK DILAKSANAKAN JTJ BAGI PERINGKAT FASA 3 (81%) & FASA 4 (98%) TELAH DIBUAT BAYARAN OLEH LJT

16. Correction of errors.

(1) The Director of Survey or any Government surveyor so authorised by him may at any time undertake such field and office checks on the title survey work of a licensed land surveyor as he thinks fit.

(2) The Director General of Survey or other person authorised by him to approve survey plans, may by notice in writing, instruct any licensed land surveyor to correct at his own expense within a time specified in such notice any error made by him:


Provided that such notice is sent not more than twelve months after the date on which the relevant survey plan was deposited with the Survey Department as provided in section 14.

(3) In the event of such licensed land surveyor refusing or neglecting within the time specified to correct such error it shall be lawful for the Director General of Survey to undertake such correction departmentally and to recover the whole cost of such correction from the licensed land surveyor concerned.

(4) If such licensed land surveyor refuses or neglects to refund the cost of the correction survey referred to in subsection (3) within fourteen days of the receipt of the statement of cost the Director General of Survey may report the facts to the Board for disciplinary action, and after due enquiry the Board may order such licensed land surveyor to pay the cost of correction of his work or to pay his client such sum by way of compensation as the Board thinks fit; and if such licensed surveyor refuses or neglects to comply with such order within one month of the date of such decision the Board may, subject to section 18, suspend such licensed land surveyor from practice as a licensed land surveyor until the cost of such correction survey has been paid, or for a period not exceeding three years.

SINGKATAN

KPUP	- Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia
PUPN	- Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
JTB	- Juruukur Tanah Berlesen
LJT	- Lembaga Juruukur Tanah Malaysia
JUEM	- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
LLSA	- Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958
LLSR	- Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011



Proses kerja yang diambil oleh JUPEM (indicated by a red dashed box)

Proses kerja yang diambil alih oleh LJT (indicated by a blue dashed box)

